

**PROSEDUR TAMBAHAN UNTUK PENDAFTARAN PUSAT PENGAJAR
KURSUS KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
DI RUANG TERKURUNG**

TARIKH DILULUSKAN: 22 APRIL 2015

Pusat Pengajar diberi tanggungjawab dan kelulusan untuk mengendalikan latihan Orang yang Dibenarkan Masuk dan Orang Menjaga (*Authorised Entrant and Standby Person, AESP*) dan peperiksaan dikendalikan oleh Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOOSH).

Prosedur Pendaftaran Pusat Pengajar dan Pengiktirafan Program AESP

- I. Pusat Pengajar perlu mengemukakan dokumen permohonan Pendaftaran Pusat Pengajar seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Latihan Pekerja, Pendaftaran Pusat Pengajar Dan Pengendalian Kursus Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Di Ruang Terkurung 2008.

- II. Proses kelulusan pendaftaran akan dijalankan secara berperingkat:

Peringkat pertama: Kelulusan Bersyarat*

Kelulusan Bersyarat selama **3 bulan** akan diberikan kepada Pusat Pengajar sekiranya dokumen yang dikemukakan lengkap dan memenuhi syarat minimum yang ditetapkan oleh Jabatan.

**Nota: Kelulusan bersyarat bagi persediaan simulator ruang terkurung.*

Peringkat Kedua: Kelulusan Penuh

Kelulusan penuh selama **2 tahun** akan diberikan kepada Pusat Pengajar sekiranya:

- a. *simulator* bagi ujian praktikal yang dibangunkan memenuhi spesifikasi rekabentuk minimum yang ditetapkan oleh Jabatan.
- b. keputusan audit pusat pengajar dan penaziran tenaga pengajar memuaskan.

- III. Spesifikasi rekabentuk minimum *simulator* ruang terkurung:
- a. mempunyai bahagian menegak (*vertical section*) sekurang-kurangnya 5 kaki dengan lurang (*manhole*) di bahagian atas bagi membolehkan demonstrasi dan praktikal penggunaan *tripod* dan *safety harness*;
 - b. mempunyai bahagian mendatar (*horizontal section*) sekurang-kurangnya 7 kaki dengan lurang (*manhole*) bagi penilaian kaedah komunikasi antara AE dan SP; dan
 - c. mempunyai bahagian berbengkok (*bending*) sama ada bentuk U atau L (*U-shape* atau *L-shape*) bagi menggambarkan scenario sebenar menjalankan kerja di dalam ruang yang sempit dan terhad.
- IV. Pemantauan akan dijalankan secara berkala terhadap pusat pengajar tersebut. Kelulusan yang diberikan boleh ditarik balik pada bila-bila masa sekiranya terdapat pelanggaran terhadap syarat-syarat yang ditetapkan.

Untuk maklumat lanjut boleh menghubungi:

Pengarah

Bahagian Higien Industri & Ergonomik

JKKP Ibupejabat

Tel: 03-88865085

Emel: husdin@mohr.gov.my